

# PM mahu syarikat-syarikat asing pindah kepakaran

Oleh MOHD. SHAHAR AKASHAH

DUNGUN 31 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu syarikat-syarikat asing yang terlibat dalam pelaksanaan projek Pengeluaran Tenaga Secara Sendirian (IPP) memberi perhatian serius kepada usaha memindahkan kepakaran kepada rakyat tempatan dalam masa sesingkat mungkin.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, pelaksanaan projek IPP pada masa ini terlalu bergantung kepada kepakaran dan perkhidmatan dari luar negara.

"Saya yakin perkara itu boleh diatasi melalui program latihan dan pemindahan teknologi yang sistematik," katanya.

Dr. Mahathir menambah, pelaburan dalam pembangunan sumber manusia melalui latihan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan seperti itu perlu dilakukan secara berterusan.

Namun, menurutnya, banyak syarikat enggan melakukannya kerana pulang pelaburan dalam bidang ini memakan masa yang lama.

Sehubungan itu, beliau turut menggesa syarikat-syarikat tempatan memberikan tumpuan dengan pelaburan dalam bidang itu bagi memperkukuhkan persai- ran secara global.

"Hanya dengan memiliki harta intelek, kita akan mampu menangani cabaran masa akan datang yang semakin kompleks," ujarnya ketika merasmikan loji YTL Power Generation di Paka di sini petang ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Ani Arope, ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan Pengarah Urusan YTL Corp. Datuk Francis Yeoh.

Perdana Menteri turut menggesa pihak-pihak swasta berusaha menceburi bidang pembuatan komponen bagi industri bekalan elektrik, memandangkan pembangunan sektor itu menuju tahap yang lebih matang.

Beliau berkata, walaupun bidang pengeluaran komponen itu adalah lebih rumit dan mencabar, tetapi pulangnya juga adalah besar sekiranya barangan tersebut berkualiti dan sebanding dengan komponen yang sedia ada.

Menyentuh perkembangan IPP, Dr. Mahathir berkata, kerajaan memperkenalkan IPP untuk turut menjana kuasa elektrik dan mempercepatkan penambahan kapasiti di ne-

gara ini ekoran terputusnya bekalan elektrik hampir ke seluruh Semenanjung pada September 1992.

Setakat ini, katanya, sebanyak lima IPP telah diberi lesen dengan jumlah kapasiti penjanaannya sebanyak 4,070 mw di Semenanjung dan ini merupakan 54 peratus daripada jumlah kapasiti tambahan dalam tempoh sehingga tahun 2000.

Menurut beliau, kerajaan juga sedang mengadakan perundingan dengan beberapa IPP lagi untuk menambah kapasiti penjanaannya di beberapa kawasan tertentu di negara ini termasuk di Sabah.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada YTL Generation kerana berjaya menyiapkan loji turbin gas pertama bagi projek itu tujuh bulan lebih awal daripada jadual kontrak.

"Saya difahamkan keseluruhan projek itu dijangka siap pada November 1995 tetapi dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh YTL, saya percaya projek ini akan dapat disiapkan lebih awal lagi," katanya.

YTL Power Generation merupakan IPP yang pertama diberi lesen untuk menjana kuasa elektrik dengan kapasiti 1,212 mw di dua lokasi iaitu di Paka dan Pasir Gudang di mana loji

Paka mengandungi 548 mw melalui penggunaan 'steam turbine'.

Dr. Mahathir memberitahu, memandangkan kedudukan kapasiti penjanaannya yang agak tinggi pada masa ini, beliau mericadangkan supaya usaha terus diambil untuk menggalakkan penggunaan tenaga elektrik terutama bagi tujuan meningkatkan produktiviti dalam sektor ekonomi.

Beliau juga berharap pihak-pihak berkuasa tempatan menggunakan tenaga elektrik di luar waktu utama (*off-peak hours*) seperti menyalakan lampu-lampu jalan raya dan papan-papan iklan di waktu malam untuk mencantikkan lagi suasana malam di bandar-bandar.

Menurutnya, sesuatu yang menarik di negara-negara maju ialah kedai-kedai menghiaskan bahagian depan kedai atau 'shop windows' dengan pemasangan lampu sepanjang malam untuk memamerkan barangan cantik yang hendak dijual.

"Di negara ini, kita menutup hadapan kedai dengan pintu besi yang amat tidak menarik ekornya bandar-bandar kita tidak cerah dan tidak menarik," katanya.